



## INFO

### SARANAN PENJIMATAN

Saranan langkah penjimatan dipraktikkan pengguna  
**Kurangkan kekerapan makan di luar**


Cuba bayangkan sebuah keluarga yang secara puratanya akan makan di luar rumah sebanyak tiga kali seminggu.

- 1 kali = RM30
- 1 minggu: 3 x RM30 = RM90
- 1 bulan: 4 x RM90 = RM360
- 1 tahun: 12 x RM360 = RM4,320

### Bawa bekal ke tempat kerja dan sekolah

**Belanja makan ibu bapa :**

- Bagi ibu bapa bekerja, katakan belanja sarapan pagi adalah sebanyak RM3 dan makan tengah hari adalah sebanyak RM5. Jumlah perbelanjaan untuk makanan sehari di pejabat adalah bersamaan RM8
- Andaikan dalam satu minggu, seseorang membuat ketetapan untuk membawa bekal ke pejabat untuk tiga hari
- 1 minggu (3 hari bekerja) = RM24
- 1 bulan = RM96
- 1 tahun = RM1,240



- Bagi anak bersekolah, katakan belanja wang saku diberikan oleh ibu bapa, sebanyak RM3 sehari.
- 1 minggu (5 hari persekolahan) = RM15
- 1 bulan = RM 60 (bersamaan dengan sepasang kasut bola)




### Buat anggaran belanja

- Membuat perbandingan harga barangan dan perkhidmatan di pasaran.
- Sebagai contoh, sebuah keluarga ingin membeli televisyen baharu disebabkan televisyen lama mereka sudah rosak. Sebagai pengguna bijak, mereka dicadangkan membuat tinjauan ke beberapa kedai berdekatan untuk mendapatkan harga ditawarkan.
- Kemungkinan besar harga ditawarkan, berbeza antara satu kedai dengan kedai lain. Sekiranya pembelian dilakukan secara tunai, pengguna mungkin boleh mengambil kesempatan menawar harga. Ada kebarangkalian harga ditawarkan adalah sama, tetapi ada kedai, menawarkan barangan percuma.
- Rancang pembelian barangan keperluan rumah dan dapur. Misalnya seminggu sekali berbanding setiap hari atau beberapa kali seminggu. Ia dapat menjimatkan petrol, masa dan tenaga.

### Berhenti merokok

- Perokok biasanya akan membeli sekotak rokok untuk dihabiskan dalam sehari. Bayangkan berapa penjimatan dapat dilakukan sekiranya perokok berkenaan, menghisap rokok selama 15 tahun.
- 1 hari: 1 kotak rokok = RM10
- 7 hari: 7 kotak rokok = RM70
- 30 hari: 30 kotak rokok = RM300
- 365 hari (1 tahun): 365 kotak rokok = RM3,650
- 15 tahun = RM54,750.



“**Dalam situasi ekonomi sekarang, peningkatan kos sara hidup membebaskan dan memberi kesan khusus kepada mereka yang berkeluarga besar**”

**Dr Mohamad Fazli Sabri,**  
Ketua Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia, UPM

memastikan keperluan dan kehendak keluarga dipenuhi. Bajet yang berkesan dapat mengelakkan masalah kewangan.

“Cara paling mudah dan menjimatkan ialah membawa bekal dari rumah. Amalkan aktiviti berfaedah yang menjimat. Antaranya, bersenam, beriadah, berkelah dan meneroka alam sekitar daripada keluar membeli-belah.

“Aktiviti ringkas dan murah ini bukan saja menjimatkan, tetapi juga menyihatkan badan dan mengeratkan hubungan kekeluargaan.

### Didik ahli keluarga

Dr Mohamad Fazli berkata, ibu bapa juga perlu mendidik anak dari peringkat awal mengenai pengurusan kewangan.

“Antaranya, galakkan anak menabung. Di rumah kita boleh jimatkan penggunaan air dan elektrik. Jangan membazir tenaga dengan memasang banyak lampu atau kipas.

Tadah air ketika hujan untuk menyiram bunga, mencuci kereta dan sebagainya.

Hakikatnya, Dr Mohamad Fazli, berkata tidak ada istilah terlewat dalam isu pengurusan kewangan keluarga kerana bak kata pepatah, di mana ada kemahuan di situ ada jalan.

“Pengurusan kewangan berbeza antara individu. Kaji kedudukan kewangan dan gaya hidup keluarga. Dengan disiplin yang baik, anda mampu melakukannya,” katanya.



## Reaksi



“**Saya** mengakui tidak membuat pengiraan tetap kos perbelanjaan isi rumah, sebaliknya melakukan secara anggaran kasar saja. Saya percaya selagi kita berjimat, kita pasti tidak mempunyai masalah besar dalam pengurusan kewangan keluarga.

“Belanja berhemah dengan memasak sendiri di rumah dan menetapkan belanja dapur untuk barangan mentah iaitu kira-kira RM400 sebulan. Keluarga saya kecil dengan tiga orang memudahkan perancangan perbelanjaan dilakukan.”

**Mardiana Mohd Noor,**  
Ahli perniagaan

“**Membeli** pakaian ketika jualan murah dan menempah percutian keluarga ketika musim cuti persekolahan adalah perkara ‘wajib’ saya lakukan. Waktu ini selalunya harganya rendah hingga potongan 70 peratus. Ini dapat menjimatkan perbelanjaan.

“Kelebihan saya adalah anak masih belum bersekolah. Ini memudahkan saya merancang ke destinasi tertentu.”

**Zanariah Ngah,**  
Pekerja swasta

